

Rasa belas ihsan lebih ketara jika bekerja dengan haiwan: Kajian

MEREKA yang bekerja dengan haiwan didapati mempunyai rasa belas ihsan yang lebih besar, menurut satu kajian setempat.

Kajian yang dijalankan Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS) itu juga mencadangkan bahawa rasa belas ihsan yang lebih besar itu boleh menyebabkan pekerja bekerja lebih baik dengan rakan sekerja.

Diterbitkan dalam jurnal *Personal Psychology* pada Mei, kajian itu diterajui oleh Profesor Madya Sam Yam Kai Chi.

Beliau turut mengetuai jabatan pengurusan dan organisasi Sekolah Perniagaan NUS.

Profesor Yam dan pasukannya menjalankan tiga kajian – yang pertama melibatkan 71 penjaga haiwan di Taman Haiwan Singapura dan melihat tingkah laku emosi dan prososial mereka terhadap orang lain dalam tempoh dua minggu pada 2020, lapor *The Straits Times*.

Sebagai contoh, peserta diminta menunjukkan sejauh mana mereka mengalami perasaan seperti “Saya berasa terharu” atau “Saya berasa lembut hati” berikutan interaksi mereka dengan haiwan di tempat kerja.

Dalam kenyataan akhbar, NUS berkata kajian itu mendapati bahawa pekerja melaporkan tahap belas ihsan yang lebih tinggi apabila mereka meningkatkan interaksi dengan haiwan.

Semakin mereka menganggap haiwan itu boleh rasa dan berfikir, semakin kuat kesan interaksi haiwan terhadap sifat belas ihsan dan tingkah laku mereka terhadap orang lain.

“Belas ihsan bermaksud menyedari penderitaan orang lain dan mempunyai keinginan untuk membantu.

“Sukar untuk mengesan kesukaran yang dihadapi rakan sekerja anda kerana manusia takut untuk menunjukkan kelemahan mereka dan pandai menyembunyikan penderitaan mereka.

“Sebaliknya, pekerja yang bekerja dengan haiwan dilatih untuk sentiasa melihat tanda-tanda bukan lisan yang menunjukkan ketidakselesaan haiwan.

“Menariknya, belas ihsan yang disebabkan oleh haiwan ini melimpah, menjadikan



INTERAKSI MENGESENKAN: Semakin seseorang menganggap haiwan itu boleh rasa dan berfikir, semakin kuat timbulnya rasa belas ihsan. – Foto fail

mereka lebih prososial terhadap rakan sekerja mereka, seperti bersikap melakukan lebih untuk membantu orang lain,” ujar Profesor Yam.

Kajian kedua, yang dijalankan pada 2021, melibatkan 121 pekerja di Hong Kong dari organisasi berbeza yang bekerja dengan haiwan dalam menyediakan perkhidmatan atau hiburan.

Penyelidik mendapati mereka yang ditugaskan untuk menulis tentang kejadian di mana mereka bekerja rapat dengan haiwan untuk mencapai matlamat kerja berasa belas ihsan yang jauh melebihi kumpulan kawalan, yang menulis tentang matlamat am mereka di tempat kerja.

Kajian ketiga, yang juga dijalankan pada 2021, meninjau 178 pekerja di Amerika Syarikat mengenai tahap interaksi haiwan dan belas ihsan mereka.

Kajian itu mendapati apabila terdapat peluang lebih banyak untuk bekerja dengan haiwan, pekerja menunjukkan belas ihsan dan tingkah laku prososial lebih besar juga.

Profesor Yam mencadangkan organisasi boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan haiwan ke tempat kerja, seperti dalam “bengkel latihan belas ihsan” atau membenarkan pekerja membawa haiwan peliharaan mereka ke tempat kerja.

Pengarang bersama kajian itu, pembantu penyelidik Cik Carisa Lam menambah:

“Walaupun kehadiran haiwan adalah tidak konvensional di banyak tempat kerja, kami percaya bahawa dengan struktur dan peraturan yang betul disediakan untuk menangani pertimbangan praktikal, bekerja dengan haiwan boleh menjadi cara baru untuk memupuk rasa belas ihsan dalam diri pekerja.”